

UM 5 OCT 2001

PM dijangka umum

Oleh G. MANIMARAN dan LAUPA JUNUS

KUALA LUMPUR 4 Okt. — Perdana Menteri dijangka mengumumkan pemberian bonus kepada lebih 900,000 kakitangan awam semasa pembentangan Belanjawan 2002, 19 Oktober ini, kata Presiden CUEPACS, Datuk N. Siva Subramaniam.

Sehubungan itu beliau mahu kakitangan perkhidmatan awam, terutama ahli-ahlinya supaya bersabar menunggu pengumuman itu.

Beliau berkata, berdasarkan surat yang diterima daripada Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Samsudin Hitam semalam, kerajaan sedang mengkaji per-

bonus kakitangan awam 19 Oktober

mintaan CUEPACS supaya bonus untuk perkhidmatan tahun ini dibayar.

“Dalam surat itu tidak dinyatakan kadar bonus tetapi CUEPACS yakin kerajaan akan memberi bonus kali ini,” kata beliau kepada para pemberita pada hari terakhir Konvensyen CUEPACS Kali Ke-22 di sini hari ini.

Siva dalam ucapannya pada majlis perasmian kelmarin telah meminta kerajaan membayar bonus dua bulan kepada kakitangan awam.

Malah kongres itu juga telah meminta supaya kerajaan memberi bonus secara kontraktual (tetap) setiap tahun.

Bagaimanapun menurut Siva, Samsudin

dalam surat itu menegaskan bahawa bonus tidak boleh dibayar secara kontraktual, sebaliknya hanya dibayar berdasarkan kemampuan semasa kewangan kerajaan.

“CUEPACS meminta pembayaran bonus dibuat secara kontraktual iaitu pembayaran tetap setiap tahun tetapi kerajaan

■ Lihat muka 4

PM dijangka umum bonus kakitangan awam 19 Oktober

menolak," katanya.

Beliau menambah, meskipun gagal memohon supaya pembayaran bonus dibuat secara kontraktual, pihaknya akan terus memperjuangkan perkara itu kerana ia sudah menjadi dasar perjuangan CUEPACS.

Dalam pada itu, Konvensyen CUEPACS kali ini turut meluluskan 22 usul dan satu pindaan perlembagaan kongres tersebut.

Mengenai usul-usul yang diluluskan, Setiausaha Agungnya, Abd. Rahman Manan berkata, CUEPACS akan memutuskan bentuk tindakan perusahaan jika kerajaan tidak menyelesaikan kajian berkaitan dengan Sistem Saraan Baru (SSB) pada awal tahun depan.

Mandat

"Usul ini diluluskan sebagai mandat kepada Majlis Am CUEPACS. Kita bagaimanapun yakin kerajaan dapat menyelesaikan kajian berkenaan (mengikut tempoh yang ditetapkan)," katanya kepada *Utusan* petang ini.

Selain usul berkaitan, antara usul penting yang turut diluluskan termasuklah:

- Mengkaji semula penggunaan nama CUEPACS oleh pengurusan koperasi CUEPACS dan Syarikat Serbaguna CUEPACS Berhad.

- Mendesak kerajaan supaya tidak melaksanakan cadangan untuk pegawai perkhid-

matan awam menandatangani borang akujanji dalam apa juga bentuk sekalipun.

- Memohon supaya waktu bertugas hanya lima hari seminggu dilaksanakan.

- Menggesa supaya kerajaan menawarkan pilihan sekali lagi kepada kakitangan awam yang telah memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan diberikan Skim Pencen.

- Merayu kepada kerajaan supaya menyelaraskan gaji kakitangan awam kepada puluhan ringgit yang paling hampir.

- Menaikkan Imbuhan Tetap Perumahan kepada kadar minimum RM230 bagi Kumpulan Sokongan.

- Memanjangkan sistem/proses kenaikan pangkat mengikut masa dan secara Khas Untuk Penyandang yang sekurang dinikmati oleh guru-guru dan pegawai kumpulan profesional kepada peringkat atau kategori perkhidmatan awam.

- Menggesa CUEPACS menubuhkan jawatankuasa teknikal bagi tujuan mewujudkan Amanah Saham Pekerja.

- Meminta kerajaan mewujudkan Skim Pemberhentian Sukarela seperti yang diperkenalkan oleh kerajaan terhadap pihak swasta dan industri perbankan.